



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBEKALAN, PENGHANTARAN, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN MESIN PENCETAK
(PRINTER) BEWARNA DAN HITAM PUTIH BAGI KEGUNAAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS
DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

RUJUKAN SEBUTHARGA: JKED/TAWARAN/UPICT/BPPK/Q/2025-18

BIL	SYARAT-SYARAT
1	Sebutharga-sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan <i>Registry of Companies and Business Names (ROCBN)</i> dan masih sah.
2	Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang mempunyai <i>Certificate of Registration (Business Names Act 16/17 or Companies Act. Chapter 39)</i> dalam kerja-kerja pembersihan dan masih sah.
3	Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Unit Perolehan dan Penghapusan, Bahagian Logistik, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang.
4	Hendaklah menyertakan profil syarikat dan pengalaman dalam pembekalan kepada pejabat-pejabat kerajaan di Negara Brunei Darussalam.
5	Hanya borang penyertaan yang dikeluarkan oleh jabatan yang ditandatangani oleh pegawai JKED sahaja akan diterima.
6	Sebutharga hendaklah dalam matawang Brunei Darussalam Dollars (BND) .
7	Sah laku tawaran dihadapkan hendaklah bagi tempoh selama 12 bulan dari tarikh tutup penyertaan.
8	Pembekalan hendaklah siap dilaksanakan dalam tempoh tiga (03) minggu dari tarikh pesanan/arahan permohonan bekalan dibuat.
9	Hendaklah memberikan jaminan (<i>warranty</i>) sekurang-kurangnya tiga (03) tahun dari tarikh pembekalan disahkan penerimaan oleh pihak jabatan.
10	Hendaklah peralatan yang asli Original Equipment Manufacturer (OEM) Hardware dan bukan <i>refurbished</i> .
11	Syarikat yang mempunyai pengalaman membuat pembekalan kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelumnya bolehlah menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).

12	Sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat bersaiz A4 yang ditutup rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada: PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA, IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Sampul Surat Tawaran hendaklah ditulis seperti berikut: PEMBEKALAN, PENGHANTARAN, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN MESIN PENCETAK (<i>PRINTER</i>) BEWARNA DAN HITAM PUTIH BAGI KEGUNAAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM RUJUKAN SEBUTHARGA: JKED/TAWARAN/UPICT/BPPK/Q/2025-18
13	Tarikh tutup tawaran : 23 September 2025, Hari : Selasa, Jam : 2.00 petang
14	Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dipertimbangkan.